



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

11 OGOS 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

11 OGOS 2022 (KHAMIS)

Pacu jenama AEON BiG

Sheikh Farouk mahu pastikan AEON BiG terus menjadi pilihan pengguna Malaysia

Oleh IZWAN ROZLIN
SHAH ALAM

Sejarah AEON BiG bermula apabila AEON Group mengambil alih Carrefour Malaysia pada 2012. Selepas 10 tahun, AEON BiG terus berkembang dan melakar nama sebagai salah sebuah pasar raya besar pilihan utama rakyat Malaysia berbelanja.

Kini dengan 21 cawangan di seluruh negara, AEON BiG kukuh membawa jenama menerusi pelbagai pilihan barang dengan nilai yang hebat.

Cabaran ekonomi yang dihadapi semasa pandemik Covid-19 sedikit sebanyak memberi kesan ke atas kerancakan pasar raya besar itu mengembangkan perniagaannya. Pun begitu, isu berkenaan tidak menjadi halangan untuk pengurusannya terus bangkit dan membuktikan kemampuan menjadi penyumbang ekonomi negara.

Perubahan pada pucuk pimpinan organisasi itu dilihat antara usaha AEON Group memastikan pasar raya besar itu terus relevan sehingga kini. AEON Group mengambil langkah berani membawa masuk individu sebagai peneraju dalam syarikat biarpun kurang berpengalaman dalam bidang peruncitan.

Sheikh Farouk Sheikh Mohamed, 44, berkelulusan ijazah Kewangan dari Arizona State University Amerika Syarikat (AS) dilantik Ketua AEON BiG pada 2021 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Urusan AEON BiG pada 1 Julai lalu.

Anak kelahiran Petaling Jaya, Selangor ini pernah berkhidmat dengan Kumpulan Syarikat Nestle selama 18 tahun di Malaysia, Singapura, Filipina dan Switzerland.

Berpengalaman luas da-

Iam bidang perakaunan, kawalan perniagaan, audit serta tadbir urus menjadikan Sheikh Farouk diletakkan sebagai pilihan bagi mengelakkan kegemilangan AEON BiG ketika dunia berdepan Covid-19.

Era baharu

Kepercayaan yang diberikan oleh AEON Group digunakan sepenuhnya untuk membawa AEON BiG ke era baharu bidaan peruncitan di Malaysia.

Sheikh Farouk berkata, tidak ada yang mustahil kerana bila mengamalkan prinsip jika wujud cabaran dengan sendirinya akan ada peluang yang datang. Berbekalkan semangat iltizam itu, AEON BiG yang dipimpinnya berjaya mengharungi tempoh sukar ketika era pandemik Covid-19 yang turut memberi kesan kepada ekonomi negara.

"Kuasa memiliki ketika pandemik berkurangan, rakyat akur dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jadi, saya dan pasukan mengambil peranan memikirkan cara terbaik bagaimana hendak membantu pekerja, pelanggan, peniaga, penyewa premis di AEON BiG mengharungi Covid-19," katanya.

Antara langkah pertamanya adalah memastikan barang keperluan asas seperti beras, ayam, daging, sayuran dan sebagainya tidak putus. Justeru, AEON BiG bekerjasama dengan pihak Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS) dan memberi fokus kepada produk tempatan.

"Formula ini berjaya meskipun ketika PKP premis bukan kritikal terpaksa ditutup, pelanggan tetap datang untuk membeli-beli barang keperluan harian dan kitaran perniagaan masih berjalan walau-pun agak perlamban," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Tambahnya, situasi perniagaan pada tahun 2021 semasa PKP 2.0 juga mencabar apabila jumlah kakitangan berkurangan kerana dijangkiti Covid-19 termasuk masalah stok barang dan perubahan peraturan yang ditetapkan kerajaan.

"Proses vaksinasi dipercepatkan untuk setiap kakitangan dan bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja, pengurusan menyelaras semula mereka yang bekerja di lapang-



Sheikh Farouk (depan, lima dari kiri) bersama kakitangan pengurusan AEON BiG di teruel PGV, pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Aktiviti AEON BiG bersama Yayasan AEON Malaysia:

- AEON bantu mangsa banjir Temerloh Pahang - **10 Januari 2021**.
- Bersamaan AEON Februari - **Okttober 2021**.
- AEON Mesra Aidliladha (sumbangan daging) - **23 & 24 Julai 2021**.
- AEON Mesra Deepavali - **30 Okttober hingga 4 November 2021**.
- AEON Mesra Krismas - **16 hingga 21 Disember 2021**.
- AEON bantu bersihkan rumah mangsa banjir Lembah Klang - **30 Disember 2021**.
- AEON Mesra Tahun Baharu Cina (konsep beli belah) - **20 Januari 2022**.
- AEON Ramadhan (konsep beli belah) - **23 April 2022**.
- AEON Mesra Aidliladha (sumbangan daging) - **8 dan 9 Julai 2022**.



Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi melakukan tinjauan harga barang keperluan asas di Cawangan AEON BiG Danau Kota, Kuala Lumpur pada April lalu.

daripada pelanggan amat baik sekali," jelasnya.

untuk dipasarkan di semua 21 cawangannya.

Jimat Poket 100 hari

Bagi memberi tambah nilai kepada pelanggan, Kumpulan AEON dan AEON BiG terlibat dalam pelbagai program bersama pihak kementerian.

Antaranya Program Jimat Poket bermula 1 Jun hingga 16 September depan.

"Inisiatif selama 100 hari ini menjual 15 barang keperluan harian terpilih pada harga RM60 sahaja. Nilai sebenar 15 item ini adalah RM80, bermakna ada penjimatan sebanyak RM20," kata Sheikh Farouk.

AEON BiG turut bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam memperkenalkan Jualan Keluarga Malaysia.

an untuk bertugas di cawangan-cawangan yang kekurangan tenaga kerja kerana dijangkiti Covid-19.

"AEON BiG tidak memberhentikan atau memotong gaji pekerja ketika pandemik dan inilah cabaran kami menguruskan 2,300 pekerja yang merupakan pengalaman luar biasa dalam peruncitan," ujarnya.

Menurutnya, AEON BiG melaksanakan pemberian gaji minimum RM1,500 sebulan bermula Januari lalu bagi menjaga kebijakan pekerja.

"Kami turut mengadakan pembelian secara dalam talian serta khidmat penghantaran barang terus ke rumah. Sambutan dan maklum balas

"Kami juga membantu rakan niaga iaitu penyewa premis melalui pengecualian sewa kerana mereka sukar mendapatkan pelanggan," ujarnya.

Selaras dengan aspirasinya untuk berkhidmat kepada masyarakat, AEON BiG baru-baru ini telah bekerjasama dengan FGV Holdings Berhad yang membekalkan ayam kampung



NORENA (tengah) menunjukkan gula pasir yang dirampas dalam serbuan di sebuah stor di Ayer Keroh semalam.

Stor tidak miliki lesen simpan barang kawalan

Kedai runcit berani sorok gula, minyak

MELAKA – Sebuah stor milik sebuah kedai runcit di Ayer Keroh di sini diserbu selepas dipercayai menyorok 460 kilogram (kg) minyak masak botol dan lebih 1,000 kilogram gula pasir kasar.

Serbuan itu dilakukan pentugau kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka kira-kira pukul 12.30 tengah hari, kelmarin.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, pemeriksaan mendapati stor berkenaan tidak mempunyai lesen dan dipercayai dengan sengaja dijadikan tempat untuk menyorok barang kawalan.

Menurutnya, sitaan telah dilakukan ke atas semua minyak masak botol dan gula pasir kasar dengan keseluruhan rampasan

dianggarkan bernilai RM7,000 sebelum dibawa ke stor KPDNHEP di Krubong, di sini.

Serbuan dilakukan selepas menerima aduan daripada orang ramai dan hasil semakan kita mendapati stor penyimpanan itu tidak dilesenkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pemeriksaan dilakukan menjumpai bekalan 460kg minyak masak botol dan lebih daripada 1,176kg gula pasir kasar," katanya dalam sidang akhbar di stor penyimpanan KPDNHEP, Krubong di sini semalam.

Tambah Norena, pemilik stor bagaimanapun mempunyai lesen yang sah bagi penjualan bekalan minyak masak peket mengikut peraturan ditetapkan.

Ujarnya, kes tersebut disia-

sat di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu menyimpan apa-apa barang yang dikawal selain dari premis yang dilesenkan.

"Sabit kesalahan, pemilik stor boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun jika kesalahan dilakukan orang perseorangan."

"Jika suatu pertubuhan denda tidak melebihi RM3 juta bagi kesalahan pertama atau tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.

Ujarnya, KPDNHEP negeri akan terus bergerak aktif melakukan serbuan dan mengingatkan kepada para peniaga untuk tidak menyimpan barang kawalan lebih daripada yang disyaratkan."

Melaka: Sembunyi lebih satu tan gula pasir dan 460 kilogram minyak masak botol di dalam stor rahsia.

Kegiatan haram itu bagaimanapun dibongkar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka yang menyerbu stor penyimpanan tidak berlesen di Ayer Keroh di sini, kelmarin.

Serbuhan kira-kira jam 12.30 tengah hari itu dilakukan sepasukan penguasa KPDNHEP hasil maklumat disalurkan orang awam di laman Facebook rasmi KPDNHEP Melaka.

Pengarah KPDNHEP Melaka Norena Jaafar berkata, pihaknya mendapati stor itu adalah tempat simpanan bekalan barang bagi sebuah kedai runcit yang terletak di deretan rumah kedai di kawasan itu.

Katanya kedai runcit itu mempunyai lesen yang sah dan menjual minyak masak peket subsidi mengikut peraturan yang ditetapkan.

"Bagaimanapun, siasatan lanjut ke atas sebuah lagi premis yang dijadikan stor penyimpanan mendapati ia tidak dilesenkan dan peniaga disyaki berniat menyorok barang kawalan berkenaan," katanya semalam..

Menurutnya, ketika siasatan awal peniaga kedai runcit berusia 60-an itu memberi alasan barang kawalan yang disita disimpan sebagai stok.

"Namun pihaknya perca-



NORENA (tengah) bersama pegawaiannya memeriksa sebahagian gula pasir kasar yang dirampas.

Sorok satu tan gula, minyak masak dalam stor rahsia

ya peniaga berkemungkinan meningkatkan harga barang itu khususnya minyak masak botol sekiranya harga minyak sawit mentah naik.

"Pihak kami mengambil keterangan daripada peniaga terbabit bagi siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun jika sabit kesalahan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan penyelewengan barang kawalan diminta menyalurkannya kepada KPDNHEP menerusi pelbagai

suruhanjaya termasuk Facebook (FB) rasmi KPDNHEP Melaka untuk tindakan lanjut.

"KPDNHEP Melaka sentiasa memantau bekalan barang kawalan di negeri ini termasuk menubuhan skuad 'Kami Terjah' bagi mengekang aktiviti penyelewangan minyak masak peket, sekali gus menjamin bekalan adalah mencukupi untuk kegunaan rakyat negeri itu," katanya.

Menurut Norena, KPDNHEP seseckal tidak akan berkompromi dengan pihak atau individu yang bertindak menyorok bekalan barang kawalan dengan niat untuk mengambil keuntungan.

460kg

Berat keseluruhan minyak masak disorok dalam stor.

"Di Melaka bekalan minyak masak mencukupi dan tiada alasan berlaku kekurangan bekalan. Masalah berlaku kekurangan apabila ada pihak yang cuba menyimpan bekalan.

"Jadi kepada peruncit, pemborong atau pihak yang terbabit jangan cuba-cuba untuk menyimpan bekalan kerana kami KPDNHEP tidak akan berkompromi," katanya.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/08/2022
M/SURAT : 8

Authorities raid store, seize subsidised oil and sugar

MELAKA: Some 460kg of subsidised cooking oil was seized during a raid at a store in Ayer Keroh here.

State Domestic Trade and Consumer Affairs director Norena Jaafar announced that the 12.30pm operation on Tuesday was carried out following a tip-off.

Also confiscated were packets of sugar, weighing about one tonne, she added.

"The store has all the legitimate documents to sell the commodities."

"However, an in-depth check found that these items were being hoarded illegally," she said yesterday.

Norena said the 60-year-old owner of the premises had failed to convince the enforcement team about why he had stocked the items, totalling RM7,000, without proper documentation.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/08/2022
M/SURAT : 5



**ILLEGAL
HOARD ...**

Malacca Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Norena Jaafar (right) with some of the 460kg of bottled cooking oil and 1,176kg of raw sugar worth more than RM7,00 seized in a raid at an unlicensed supply storage in Ayer Keroh yesterday. — BERNAMAPIX

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **11/08/2022**
M/SURAT : **16**



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM6.99	• Telur Gred A.	RM12.90	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM13.90
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29	• Ikan Kembung	RM13.90	• Bawang Besar Holland	RM2.99	• Kubis Tempatan	RM3.20
• Daging Lembu Import	RM53.90	• Minyak Masak	RM6.70	• Bawang Putih	RM4.99	• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : KHAMIS
TARIKH : 11/08/2022
M/SURAT : 1



BERITA ONLINE BERTARIKH 11 OGOS 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Aug	STOR SIMPANAN HARAM DISERBU	https://youtu.be/00X53047Nug	BULETIN9
11-Aug	MELAKA DOMESTIC TRADE MINISTRY SEIZES COOKING OIL SUGAR FROM UNLICENCED STORE	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/08/10/melaka-domestic-trade-ministry-seizes-cooking-oil-sugar-from-unlicensed-store	THESTAR
11-Aug	1 TAN GULA PASIR 460KG MINYAK MASAK DALAM STOR	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/870248/1-tan-gula-pasir-460kg-minyak-masak-dalam-stor	HARIAN METRO
11-Aug	MINYAK MASAK BOTOL GULA PASIR KASAR DIRAMPAS KPDNHEP	https://suaramerdeka.com.my/minyak-masak-botol-gula-pasir-kasar-dirampas-kpdnhep/	SUARAMERDEKA
11-Aug	KPDNHEP MELAKA SEIZES BOTTLED COOKING OIL, SUGAR FROM UNLICENSED STORE	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2109657	BERNAMA
11-Aug	1.1 Tan Gula, 460 Kg Minyak Masak Dirampas	https://www.buletintv3.my/jenayah/1-1-tan-gula-460-kg-minyak-masak-dirampas	BULETINTV3
11-Aug	KPDNHEP MELAKA RAM-PAS MINYAK MASAK BOTOL, GULA DISIMPAN TANPA LESEN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2109442	BERNAMA
11-Aug	KPDNHEP RAMPAS MINYAK MASAK BOTOL GULA DISIMPAN TANPA LESEN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/986786/kpdnhep-rampas-minyak-masak-botol-gula-disimpan-tanpa-lesen	BH

11-Aug	KPDNHEP rampas 460 kg minyak masak botol, satu tan gula	https://www.melakahariini.my/kpdnhep-rampas-460-kg-minyak-masak-botol-satu-tan-gula/	MELAKAHARIINI
11-Aug	KPDNHEP Melaka rampas minyak masak botol, gula disimpan tanpa lesen	https://tvstv.my/2022/08/10/kpdnhep-melaka-rampas-minyak-masak-botol-gula-disimpan-tanpa-lesen/	TVSTV
11-Aug	Lebih 1.1 tan gula, 460 kg minyak masak sorok dirampas	https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/08/10/lebih-1-1-tan-gula-460-kg-minyak-masak-sorok-dirampas/%3famp	MALAYSIAGAZETTE
11-Aug	Peluang industri francais untuk anak muda	https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/10/peluang-industri-francais-untuk-anak-muda/	HARAKAHDAILY
11-Aug	INDUSTRI FRANCAIS DI-JADIKAN INDUSTRI MAMPU DITEROKA, DIPERKASA DI SELURUH NEGARA	https://dayakdaily.com/industri-francais-dijadikan-industri-mampu-diteroka-diperkasa-di-seluruh-negara-nanta/	DAYAKDAILY